

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]

SOALAN NO. 200

DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan terperinci, berapakah jumlah nilai asset 1MDB seperti projek Tun Razak Exchange (TRX), Independent Power Plant (IPP), tanah di Pulau Pinang, Bandar Malaysia Sg. Besi dan lain-lain serta pelaburan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2015, 1Malaysia Development Bhd (1MDB) telah memeterai satu Perjanjian Jual Beli Saham (Share Sale and Purchase Agreement) dengan China General Nuclear Power Corporation (CGN) bagi penjualan 100% pemilikan 1MDB dalam aset-aset jana kuasa Edra Global Energy Bhd (Edra) pada nilai jualan sebanyak RM9.83 bilion.

Seterusnya, selaras dengan Laporan Akhir Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1MDB yang dikeluarkan pada 7 April 2016 yang mengesyorkan supaya anak-anak syarikat dan aset milik 1MDB diserahkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti, 1MDB telah berjaya menjual pemilikan tanah pembangunan TRX dan Bandar Malaysia melalui penjualan kepentingan saham di dalam TRX City Sdn Bhd (TRXC) dan Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) seperti berikut:

- i. Penjualan 40% kepentingan saham di dalam BMSB kepada syarikat milik MKD iaitu Piramid Pertama Sdn Bhd (PPSB) melalui pemeteraian Share Sale Agreement (SSA) pada 6 Jun 2016 dengan nilai jualan sebanyak RM3.52 bilion. 60% kepentingan saham di dalam BMSB pula telah dijual kepada IWH-CREC Sdn Bhd, sebuah konsortium antara Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd (IWH) dan China Railway Engineering Corporation (M) Sdn Bhd (CREC), melalui pemeteraian SSA pada 31 Disember 2015; dan

ii. Penjualan 100% kepentingan saham di dalam TRXC kepada syarikat milik MKD iaitu Aroma Teraju Sdn Bhd (ATSB) melalui pemeteraian SSA pada 10 Jun 2016 dengan nilai jualan sebanyak RM1.8 bilion.

Walau bagaimanapun, pada 2 Mei 2017, mantan Menteri Kewangan telah meluluskan pembatalan SSA BMSB antara TRXC dengan IWH-CREC Sdn Bhd kerana perjanjian tersebut telah luput dan terbatal (lapse and null and void) kerana walaupun pelanjutan berulang kali telah diberikan, IWH-CREC Sdn Bhd masih gagal memenuhi beberapa Condition Precedent (CP) yang telah ditetapkan. Susulan daripada pembatalan SSA tersebut, SSA BMSB antara TRXC dan PPSB juga secara automatiknya adalah turut luput dan terbatal (lapse and null and void).

Seterusnya, 1MDB telah menjual pemilikan tanah Ayer Itam di Pulau Pinang melalui penjualan pemilikan saham anak syarikatnya iaitu Kumpulan My City Ventures Sdn Bhd kepada syarikat milik MKD iaitu Sentuhan Budiman Sdn Bhd (SBSB) di mana SBSB seterusnya telah menjual pemilikan saham tersebut kepada Silk Road Southeast Asia Real Estate Ltd melalui pemeteraian SSA bertarikh 24 Ogos 2017 dengan harga jualan sebanyak CNY4.25 bilion atau kira-kira RM2.7 bilion. Ke semua hasil jualan tersebut telah digunakan oleh SBSB untuk melunaskan komitmen kewangan bagi pihak 1MDB.

Secara ringkasnya, 1MDB telah melupuskan empat aset utamanya iaitu aset-aset jana kuasa tenaga, tanah pembangunan TRX, tanah pembangunan Bandar Malaysia dan tanah Ayer Itam manakala tanah Pulau Indah yang berkeluasan kira-kira 318.42 ekar masih menjadi milik 1MDB dan kini sedang dalam proses untuk dijual. Berdasarkan laporan penilaian terakhir yang dibuat oleh Tetuan Raine & Horne pada Oktober 2017, nilai tanah Pulau Indah adalah sekitar RM370 juta.